

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN PELABURAN e-EMAS (eGIA)

Terma dan syarat yang berikut mengawal Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA) dengan Bank.

1. Takrifan

- 1.1 "Pemegang Akaun" bermaksud Pemegang Akaun eGIA dan hendaklah termasuk wakil peribadi mereka.
- 1.2 "Undang-undang yang Diterima Pakai" bermaksud semua statut, undang-undang, peraturan, garis panduan, arahan dan pekeliling yang berkaitan dan diterima pakai (sama ada dikeluarkan oleh mahkamah, tribunal, badan atau pihak berkuasa kerajaan atau organisasi swaatur yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana orang dalam Kumpulan Public Bank).
- 1.3 "Bank" bermaksud Public Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan pengganti dan penerima serah haknya.
- 1.4 "Hari Perniagaan" bermaksud mana-mana hari kalendar dari Isnin hingga Jumaat, kecuali hari cuti umum atau hari cuti bank, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 1.5 "CASA/CASA-i" bermaksud akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i yang dibuka dan disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank.
- 1.6 "eGIA" bermaksud akaun pelaburan emas yang dibuka dan disenggara dengan Bank yang membenarkan Pemegang Akaun untuk melaksanakan perdagangan emas melalui PBe (www.pbebank.com).
- 1.7 "PBe" bermaksud perkhidmatan perbankan internet/dalam talian yang ditawarkan oleh Bank kepada Pemegang Akaun dari semasa ke semasa yang membolehkan Pemegang Akaun untuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada, akses kepada Akaun dan melaksanakan atau menjalankan urusan niaga secara elektronik.
- 1.8 "Kumpulan Public Bank" bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, sekutu, gabungan atau perbadanan yang berkaitan dengan Bank termasuk subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejennya.
- 1.9 "Sokongan Pelanggan PBe Public Bank" bermaksud perkhidmatan pelanggan Kumpulan Public Bank. Butir-butir untuk menghubungi dinyatakan melalui <https://www.pbebank.com/Contact/Call-Us.aspx>
- 1.10 "Akaun Sumber" bermaksud CASA/CASA-i yang dipilih oleh Pemegang Akaun untuk dipautkan kepada eGIA. Pemegang Akaun bagi CASA/CASA-i mestilah sama seperti Pemegang Akaun eGIA. Bagi mengelakkan keraguan, hanya CASA-i terpilih yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa boleh dipautkan kepada eGIA.
- 1.11 "Terma dan Syarat" bermaksud terma dan syarat ini yang termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Bank.

2. Rujukan

- 2.1 Satu rujukan pada nombor mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.2 Satu rujukan pada jantina maskulin termasuk feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.3 Satu rujukan kepada seseorang yang termasuk peguam, wasi dan pentabir orang berkenaan dan Terma dan Syarat ini akan mengikat orang berkenaan.
- 2.4 Satu rujukan kepada "termasuk" atau "contohnya" atau perkataan lain seumpamanya apabila memperkenalkan suatu contoh tidak mengehendak maksud perkataan kepada contoh berkenaan.

3. Kelayakan

- 3.1 eGIA hanya disediakan kepada pelanggan individu yang memenuhi kesemua kriteria yang berikut:-
 - 3.1.1 Pelanggan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, yang mempunyai CASA/CASA-i yang dipegang hanya olehnya dan telah mendaftar untuk PBe. Bagi mengelakkan keraguan, eGIA hanya boleh didapati bagi CASA-i terpilih sahaja seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa; dan

3.1.2 Warganegara Malaysia tanpa apa-apa tanda Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan/atau Standard Pelaporan Bersama (CRS) yang berikut:-

Tanda FATCA	Tanda CRS
<p>a. Rakyat Amerika Syarikat (A.S.) iaitu Pemastautin Tetap A.S. (Pemegang Kad Hijau), Pemastautin yang Membayar Cukai A.S. atau Orang yang berada lama secara fizikal di A.S.</p> <p>b. Seseorang yang mempunyai:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya nombor telefon A.S. dan tiada nombor telefon bukan A.S. yang lain. • Alamat kediaman/alamat surat-menyerut A.S. (termasuk alamat Peti Surat A.S.). • Arahan Tetap untuk memindahkan dana ke dalam akaun yang disenggara di A.S. • Surat kuasa wakil atau tandatangan yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai alamat di A.S. • Alamat mel yang disimpan sementara/ alamat penjagaan di A.S. yang merupakan satu-satunya alamat yang tunggal. • Tempat kelahiran di A.S. 	<p>a. Pemastautin pembayar cukai Asing Bukan Rakyat A.S. iaitu seseorang yang membayar cukai di negara asing selain daripada A.S.</p> <p>b. Seseorang yang mempunyai:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor telefon asing bukan A.S. dan tiada mempunyai nombor telefon Malaysia. • Alamat kediaman/alamat surat-menyerut asing bukan A.S. (termasuk alamat Peti Surat dalam Wilayah asing bukan A.S.). • Arahan Tetap untuk memindahkan dana ke akaun yang disenggara di negara asing bukan A.S. • Apa-apa surat kuasa wakil atau tandatangan yang diberi kepada seseorang yang mempunyai alamat di negara asing bukan A.S. • Alamat mel yang disimpan sementara/ alamat penjagaan di negara asing bukan A.S. yang merupakan satu-satunya alamat.

3.2 eGIA tidak disediakan kepada:-

3.2.1 Pemegang Akaun Bersama CASA/CASA-i;

3.2.2 Bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan;

4. Terma dan Syarat

4.1 Dengan memohon, membuka dan/atau mengekalkan eGIA, Pemegang Akaun dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.

4.2 Terma dan Syarat ini akan dibaca bersama-sama dengan:-

- (a) Terma dan syarat yang mengawal PBe; dan
- (b) Terma dan syarat yang mengawal Akaun Sumber;
- (secara kolektif dikenali sebagai "Terma dan Syarat Lain").

4.3 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara berkaitan dengan eGIA.

5. Pembukaan Akaun eGIA

5.1 Apa-apa permohonan untuk membuka eGIA akan dibuat melalui PBe. Bank boleh menerima atau menolak permohonan eGIA tanpa memberi apa-apa sebab. Permohonan atau pembukaan akaun di kaunter adalah **TIDAK** dibenarkan.

5.2 Semua urusan niaga berkaitan dengan eGIA hanya boleh dibuat oleh Pemegang Akaun melalui PBe. Urusan niaga di kaunter **TIDAK** dibenarkan.

5.3 eGIA itu hanya boleh digunakan bagi tujuan belian dan jualan emas daripada dan kepada Bank.

- 5.4 Pemegang Akaun dikehendaki memilih CASA/CASA-i untuk dipautkan kepada eGIA semasa pembukaan eGIA (Akaun Sumber) yang kemudiannya akan digunakan untuk memudahkan pendebitan semua fi, caj, kos berkaitan dan/atau perbelanjaan yang dialami berkaitan dengan eGIA, jika ada. Bagi mengelakkan keraguan, hanya CASA-i terpilih yang ditetapkan oleh Bank akan dipautkan kepada eGIA.
- 5.5 Akaun Sumber mesti terus kekal sebagai akaun yang aktif oleh Pemegang Akaun. Akaun itu hanya boleh ditutup apabila baki eGIA yang tertunggak telah dikeluarkan. Perolehan daripada pengeluaran itu akan dikreditkan dalam Akaun Sumber atau mana-mana akaun yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank.
- 5.6 Perdagangan emas dalam talian bagi eGIA boleh didebitkan atau dikreditkan kepada/daripada Akaun Sumber atau mana-mana akaun yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank.

6. Risiko

- 6.1 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa beliau telah diberi taklimat dan amat maklum dengan ciri-ciri dan risiko pembukaan dan penyenggaraan eGIA sebelum akaun itu dipohon seperti turun naik pasaran emas dan kerugian yang mungkin dialami oleh Pemegang Akaun.
- 6.2 Pemegang Akaun mengakui bahawa beliau memahami bahawa pasaran emas turun dan naik, kerugian mungkin dialami berikutan pergerakan buruk di pasaran dan pulangan bersih eGIA bergantung kepada keadaan pasaran.
- 6.3 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa keputusan untuk membuka eGIA dan memeterai apa-apa kontrak untuk jualan dan belian emas adalah berdasarkan penilaiannya semata-mata dan tidak bergantung pada bahan pemasaran atau wakil-wakil Bank.

7. Pembelian Permulaan Minimum dan Belian/Jualan Berikutnya

- 7.1 Pemegang Akaun dikehendaki membeli kuantiti minimum sebanyak satu (1) gram emas untuk membuka akaun eGIA. Bank boleh mengubah kuantiti minimum emas yang dikehendaki untuk membuka eGIA dari semasa ke semasa.
- 7.2 Selepas pembelian permulaan, setiap pesanan jualan/belian berikutnya yang sebaik sahaja diterima oleh Bank tidak boleh dibatalkan dan hendaklah:-
 - 7.2.1 Tidak kurang daripada SATU (1) gram emas (atau kuantiti minimum seumpamanya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa); dan
 - 7.2.2 Kuantitinya dalam gandaan genap SATU (1) gram emas (atau gandaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa).

8. Baki Minimum dalam eGIA

- 8.1 Baki minimum tidak kurang daripada satu (1) gram emas mesti disimpan dalam eGIA pada setiap masa. Bank boleh mengubah kuantiti minimum emas yang dikehendaki untuk dikekalkan dalam eGIA dari semasa ke semasa.
- 8.2 Baki dalam eGIA mewakili emas yang tidak teruntuk dalam gram yang mempunyai minimum 999.9 bahagian emas tulen bagi setiap 1,000 bahagian.

9. Harga Belian

- 9.1 Harga segram bagi setiap belian yang dibuat oleh Pemegang Akaun adalah harga jualan dalam Ringgit Malaysia (RM) seperti yang disebut oleh Bank kepada Pemegang Akaun pada masa urus niaga dibuat melalui PBe.
- 9.2 Harga jualan yang disebut akan ditentukan oleh Bank dengan mengambil kira semua faktor yang Bank akan tentukan sebagai berkaitan termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mata wang asing yang diterima pakai) dengan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas tersebut.
- 9.3 Bank mungkin tidak dapat menyebut apa-apa harga sekiranya Bursa Emas Malaysia atau mana-mana bursa emas di Malaysia menggantung urus niaga emasnya atas apa juga sebab. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Akaun bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pemegang Akaun.

10. Belian Emas

- 10.1 Setiap pesanan belian yang dikemukakan oleh Pemegang Akaun kepada Bank hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan akan hanya diproses pada Hari Perniagaan.
- 10.2 Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Sumber atau mana-mana akaun lain yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank (mana-mana yang berkenaan) bagi pembayaran apa-apa emas yang dibeli. Pemegang Akaun secara nyata bersetuju bahawa Bank tidak berkewajipan untuk melaksanakan apa-apa arahan pembelian sekiranya dana tidak mencukupi dalam Akaun Sumber atau mana-mana akaun yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank.

11. Harga Jualan

- 11.1 Setiap jualan emas dalam eGIA yang dibuat oleh Pemegang Akaun kepada Bank hendaklah pada harga beli dalam Ringgit Malaysia (RM) segram seperti yang disebut oleh Bank kepada Pemegang Akaun semasa urusan niaga dibuat melalui PBe.
- 11.2 Harga belian yang disebut akan ditentukan oleh Bank dengan mengambil kira semua faktor yang Bank akan tentukan sebagai berkaitan termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mata wang asing yang diterima pakai) dengan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas tersebut.
- 11.3 Bank mungkin tidak dapat menyebut apa-apa harga sekiranya Bursa Emas Malaysia atau mana-mana bursa emas di Malaysia menggantung urusan niaga emasnya atas apa juga sebab. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Akaun bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pemegang Akaun.

12. Jualan Emas

- 12.1 Semua arahan bagi jualan emas dalam eGIA itu hanya boleh diberi pada Hari Perniagaan melalui PBe. Butir-butir berkaitan dengan jualan tersebut seperti kuantiti emas yang dijual akan ditunjukkan dalam e-Penyata yang dikeluarkan kepada Pemegang Akaun.
- 12.2 Hasil daripada jualan itu akan dikreditkan ke dalam Akaun Sumber atau mana-mana akaun lain yang disenggara dengan Bank seperti yang diarahkan oleh Pemegang Akaun pada Hari Perniagaan yang sama.
- 12.3 Pemegang Akaun akan memastikan apa-apa jualan emas dalam eGIA oleh Pemegang Akaun tidak akan melanggar keperluan bagi baki minimum emas yang perlu disenggara dalam eGIA seperti yang dinyatakan dalam Fasal 8 kecuali eGIA akan ditutup.
- 12.4 Pemegang Akaun akan memastikan bahawa apa-apa arahan jualan akan dihadkan pada kuantiti sebenar emas dalam eGIA. Sekiranya emas dalam eGIA tidak mencukupi, Bank hendaklah atas budi bicaranya menolak untuk melaksanakan arahan jualan oleh Pemegang Akaun.

13. Emas

- 13.1 Pemegang Akaun mengakui bahawa:-
 - (a) Bank tidak berkewajipan untuk menghantar apa-apa emas yang dibeli oleh Pemegang Akaun dalam bentuk fizikalnya dan Pemegang Akaun tidak berhak untuk menuntut dan/atau meminta penghantaran sedemikian dibuat;
 - (b) Bank tidak berkewajipan untuk menyetepikan dan/atau menguntukkan apa-apa emas yang dipegang oleh Bank kepada Pemegang Akaun dan Pemegang Akaun tidak berhak untuk menuntut dan/atau meminta penepian atau untukan tersebut.
- 13.2 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank bukanlah baili atau pengamanah bagi Pemegang Akaun berkaitan dengan apa-apa emas dalam eGIA.
- 13.3 Bank berhak untuk mengumpulkan dan mencampurkan apa-apa emas yang dipegang oleh Bank bagi tujuan penyimpanan dan ini tidak akan dianggap sebagai melanggar kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini.
- 13.4 Pemegang Akaun tidak akan menghantar apa-apa emas fizikal kepada Bank bagi tujuan untuk mendepositkannya dalam eGIA dan pendepositan sedemikian akan ditolak oleh Bank.

14. Faedah

- 14.1 Tiada faedah akan dibayar oleh Bank berkaitan dengan eGIA.

15. Arahan

- 15.1 Semua arahan yang diberi oleh Pemegang Akaun berkaitan dengan eGIA tidak boleh dibatalkan dan mengikat ke atas Pemegang Akaun.
- 15.2 Bank berhak untuk menolak daripada menerima atau bertindak atas apa-apa arahan, sama ada bagi jualan atau belian emas atau apa-apa perkara berkaitan dengan eGIA sekiranya: -
- (a) Bank tidak dapat mengesahkan identiti Pemegang Akaun dengan memuaskan;
 - (b) Bank mempunyai keraguan terhadap kesahan, kejelasan atau kesempurnaan arahan;
 - (c) Bentuk atau kandungan arahan tidak selaras dengan keperluan, cara atau prosedur seperti yang dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - (d) Bank percaya atau mengesyaki bahawa arahan itu tidak dibenarkan, suatu penipuan atau pemalsuan;
 - (e) Berlakunya apa-apa peristiwa yang boleh membenarkan Bank untuk menggantung, menamatkan atau menutup eGIA menurut Terma dan Syarat ini;
 - (f) Bursa Emas Malaysia atau mana-mana bursa emas di Malaysia telah menggantung urusan niaga emasnya atas apa juga sebab.

dan Bank tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun bagi apa juga kerugian, liabiliti atau perbelanjaan berikutan daripada keengganan Bank untuk bertindak.

- 15.3 Tanpa prejudis terhadap apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh bertindak atas arahan bagi apa-apa arahan yang Bank percaya dengan sesungguhnya bahawa arahan itu diberi oleh Pemegang Akaun tanpa bertanya mengenai:-
- (a) Identiti atau kebenaran orang yang memberi atau dikatakan memberi arahan sedemikian; atau
 - (b) Kesahan arahan sedemikian, walaupun:-
 - (i) Sekiranya arahan itu bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh Pemegang Akaun;
 - (ii) Terdapat kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau arahan yang kurang jelas dari segi istilah arahan berkenaan.
- 15.4 Bank tidak akan mengambil tindakan bagi apa-apa arahan yang diterima selepas menerima notis mengenai kematian Pemegang Akaun tanpa mengambil kira tarikh arahan tersebut.
- 15.5 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Akaun bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan berikutan daripada:-
- (a) Apa-apa salah faham, kesilapan, pindaan atau arahan yang tidak dibenarkan, penipuan, pemalsuan, kegagalan atau kesilapan pengendalian semasa penghantaran arahan oleh Pemegang Akaun;
 - (b) Apa-apa salah faham, kesilapan atau arahan yang tidak dibenarkan; atau
 - (c) Apa-apa penangguhan oleh Bank untuk bertindak atas apa-apa arahan.
- 15.6 Pemegang Akaun bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi pada setiap masa apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan, perolehan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) dengan apa juga cara sekali pun berikutan tindakan Bank terhadap arahan Pemegang Akaun itu.
- 15.7 Bank boleh melaksanakan apa juga prosedur dan langkah keselamatan yang Bank menganggap wajar dan/atau perlu dari semasa ke semasa untuk menentusahkan identiti Pemegang Akaun dan urusan niaga itu telah dibenarkan oleh Pemegang Akaun. Tanpa prejudis kepada fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank mungkin memerlukan pengesahan apa-apa arahan daripada Pemegang Akaun dalam apa juga bentuk dan cara yang Bank menganggap wajar.

16. Fi dan Caj

- 16.1 Apa-apa fi dan caj yang diterima pakai kepada eGIA termasuk jualan dan belian emas hendaklah ditanggung oleh Pemegang Akaun. Semua fi dan caj yang diterima pakai termasuk kadar, **jika ada**, boleh dilihat dalam laman web korporat Bank, atau **Senarai Penetapan Harga Biasa Bank (SPL)** yang sesalinannya disimpan oleh cawangan untuk rujukan Pemegang Akaun apabila diminta olehnya.
- 16.2 Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula, mengubah atau mengenakan apa-apa fi dan caj yang diterima pakai kepada eGIA pada bila-bila masa dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kepada Pemegang Akaun.

17. E-Penyata

- 17.1 Urus niaga berkaitan dengan eGIA akan direkodkan dalam Penyata Elektronik Bulanan eGIA (e-Penyata) yang boleh didapati melalui PBe. E-Penyata itu boleh dimuat turun daripada PBe. Tiada penyata dalam bentuk salinan keras akan diberi kepada Pemegang Akaun.
- 17.2 e-Penyata disediakan setiap bulan atau pada kekerapan seperti yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 17.3 Pemegang Akaun mesti berdaftar sebagai pengguna perkhidmatan PBe.
- 17.4 Pemegang Akaun perlu menyemak dengan teliti semua entri dalam e-Penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa makluman secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh e-Penyata itu mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan, Pemegang Akaun dianggap sebagai telah menerima entri tersebut dalam e-Penyata berkenaan dan mengakui bahawa entri dalam e-Penyata itu adalah sah, betul dan tepat.

Entri dalam e-Penyata itu akan dianggap sebagai bukti konklusif mengenai arahan Pemegang Akaun kepada Bank berkaitan dengan eGIA.

- 17.5 Bank boleh membalikkan, membatalkan, menyelaraskan apa-apa entri dalam e-Penyata atau mendebit eGIA Pemegang Akaun dengan sewajarnya sekiranya Bank:-
- (a) Dikehendaki membetulkan kesilapan atau ketertinggalan termasuk kesilapan pengkreditan dalam eGIA Pemegang Akaun;
 - (b) Dikehendaki memulangkan dana yang tersilap dikreditkan dalam eGIA Pemegang Akaun;
 - (c) Tidak menerima dana penuh yang telah dijelaskan atau yang tidak bersyarat pada waktunya;

Apa-apa entri yang diperbetulkan akan mengikat ke atas Pemegang Akaun.

18. Perwakilan dan Jaminan

- 18.1 Pemegang Akaun mewakili dan menjamin bahawa:-
- (a) Beliau mempunyai keupayaan undang-undang sepenuhnya dan kebenaran untuk membuka, menyenggara dan mengendalikan eGIA dan memberi semua arahan berkaitan dengan eGIA termasuk untuk memeterai apa-apa kontrak bagi jualan dan belian emas serta menerima Terma dan Syarat ini;
 - (b) Tiada mana-mana orang pun selain daripada Pemegang Akaun mempunyai kepentingan dalam emas dan eGIA ini;
 - (c) Beliau tidak mewujudkan apa-apa lien, cagaran, sandaran, pindahan, penyerahhakan atau bebanan dalam eGIA itu;
 - (d) Tiada prosiding undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), arbitrase atau pentadbiran yang belum selesai, sedang dijalankan atau akan dikenakan terhadap Pemegang Akaun;
 - (e) Beliau belum pernah melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan dan bahawa tiada prosiding kebangkrapan telah dimulakan atau akan dikenakan terhadap Pemegang Akaun;

- (f) Semua maklumat yang diberi oleh Pemegang Akaun kepada Bank berkaitan dengan eGIA tidak mengandungi apa-apa penyata yang tidak benar atau mengelirukan atau fakta yang sengaja ditinggalkan;
- (g) Beliau tidak menyedari mengenai dan tidak dengan sengaja menyimpan apa-apa maklumat atau fakta yang boleh mengakibatkan atau menyebabkan eGIA dibuka sehingga menyebabkan Bank melanggar Undang-undang yang Diterima pakai;
- (h) Beliau tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti haram dan semua wang yang diberikan kepada Bank tidak dalam apa juga cara berpunca daripada aktiviti haram.

18.2 Perwakilan dan jaminan di atas dianggap diulangi apabila Pemegang Akaun memberi apa-apa arahan mengenai eGIA termasuk semasa Pemegang Akaun memohon untuk membuka eGIA.

19. Dasar Pertukaran Asing

- 19.1 Pemegang Akaun bersetuju untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau Pengawal Dasar Pertukaran Wang (FEP) dari semasa ke semasa, yang boleh didapati melalui www.bnm.gov.my/fep ("Laman web").
- 19.2 Bank berhak untuk mengambil tindakan yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh FEP bagi memastikan pematuhan kepada FEP.
- 19.3 Bank berhak untuk menggantung, menutup atau menamatkan eGIA sekiranya Pemegang Akaun gagal, enggan, abai dan/atau sengaja mengelak daripada mematuhi FEP.

20. Penggantungan, Penutupan dan Penamatan

- 20.1 Sekiranya Pemegang Akaun ingin menutup eGIA, beliau hendaklah menjual semua baki emas dalam eGIA kepada Bank pada harga belian yang disebut oleh Bank semasa jualan dan semua perolehan daripada jualan itu hendaklah dibayar kepada Pemegang Akaun dalam Ringgit Malaysia dengan mengkreditkannya dalam Akaun Sumber atau mana-mana akaun lain yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank, seperti yang diarahkan oleh Pemegang akaun pada hari perniagaan yang sama.
- 20.2 eGIA akan ditutup apabila keseluruhan baki emas yang ada dalam eGIA dikeluarkan.
- 20.3 Bank boleh, dengan notis, menggantung eGIA Pemegang Akaun tanpa memberi apa juga sebab.
- 20.4 Bank boleh, dengan memberi notis awal selama empat belas (14) hari kalendar, menamatkan atau menutup eGIA Pemegang Akaun tanpa memberi apa juga sebab.
- 20.5 Bank boleh menggantung, menamatkan atau menutup eGIA Pemegang Akaun dengan serta-merta sekiranya:-
 - (a) Pemegang Akaun mengugut untuk melanggar atau telah melanggar apa-apa fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - (b) Pemegang Akaun tidak mematuhi Undang-Undang yang Diterima Pakai;
 - (c) eGIA tidak dikendalikan dengan cara yang betul atau biasa;
 - (d) Apa-apa representasi, jaminan atau aku janji yang dibuat kepada Bank oleh Pemegang Akaun adalah tidak betul atau mengelirukan;
 - (e) Pemegang Akaun meninggal dunia atau menjadi hilang upaya, tidak siaman, tak solven, bankrap atau tertakluk pada prosiding kehakiman. Dalam keadaan seperti ini, Bank boleh menggantung eGIA tersebut sehingga Bank menerima bukti yang memuaskan mengenai orang yang mempunyai kebenaran yang sah untuk mengendalikan eGIA tersebut;
 - (f) Pemegang Akaun membenarkan apa-apa penghakiman untuk terus tidak dipatuhi bagi tempoh selama dua puluh satu (21) hari;
 - (g) Pemegang Akaun melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan atau tidak mampu untuk membayar hutangnya;

- (h) Pada bila-bila masa selepas permohonan Pemegang Akaun untuk membuka eGIA diluluskan atau selepas eGIA itu dibuka, undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikannya tidak sah, haram atau mustahil bagi Bank untuk membenarkan Pemegang Akaun untuk mengekalkan eGIA atau untuk mematuhi kewajipan Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (i) Terdapat apa-apa siasatan yang dijalankan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang masih belum selesai, sedang dijalankan atau akan dikenakan terhadap Pemegang Akaun;
 - (j) Terdapat litigasi (sama ada sivil atau jenayah) arbitrase atau pentadbiran prosiding yang belum selesai, sedang dijalankan atau akan dikenakan terhadap Pemegang Akaun;
 - (k) Terdapat laporan dibuat terhadap Pemegang Akaun di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
 - (l) Pemegang Akaun telah dicaj atau disabitkan kesalahan bagi apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai rekod jenayah; atau
 - (m) Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa eGIA telah digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 20.6 Semasa penamatan atau penutupan eGIA, sekiranya terdapat apa-apa emas dalam eGIA itu, Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk menjual emas itu kepada Bank pada harga belian yang disebut oleh Bank semasa jualan, dengan cara dan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank. Perolehan bersih daripada jualan itu hendaklah dikreditkan dalam Akaun Sumber. Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian, jika ada, dalam jualan emas itu atau bagi apa-apa kerugian atau pengurangan nilai emas berikutan daripada itu atau atas apa juga sebab lain.
- 20.7 Walau apa pun perkara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, sekiranya Akaun Sumber ditutup atau ditamatkan atas apa juga sebab, Bank berhak untuk menutup eGIA milik Pemegang Akaun dengan serta-merta dan Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk menjual apa-apa emas dalam eGIA kepada Bank pada harga belian yang disebut oleh Bank semasa jualan tersebut, dengan cara dan menurut terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank.
- Perolehan bersih daripada jualan itu hendaklah dikreditkan dalam mana-mana akaun yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank atau yang diberi kepada Pemegang Akaun dengan cara sebagaimana yang Bank anggap sesuai.
- Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian, jika ada, dalam jualan emas itu atau bagi apa-apa kerugian atau nilai emas yang berkurangan berikutan daripada itu atau atas apa juga sebab lain.
- 20.8 Apa-apa penutupan atau penamatan atau penggantungan eGIA oleh Bank tidak melayakkan Pemegang Akaun untuk menuntut apa-apa ganti rugi daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pemegang Akaun sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penggantungan atau penutupan tersebut.

21. Rekod Urus niaga

- 21.1 Semua rekod urus niaga Bank mengenai eGIA adalah konklusif dan mengikat ke atas Pemegang Akaun kecuali bagi kesilapan yang nyata.
- 21.2 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank tidak berkewajipan untuk mengekalkan apa-apa rekod mengenai eGIA termasuk tetapi tidak terhad pada butir-butir penyata dan urus niaga yang melampaui tempoh penahanan seperti yang dinyatakan dalam dasar dalaman, garis panduan dan prosedur Bank dan/atau seperti yang disediakan di bawah mana-mana Undang-undang yang Diguna Pakai atau peraturan oleh mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

22. Cukai

- 22.1 Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang, berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkaitan dengan apa-apa fi dan caj yang dicaj atau dialami oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang diberi oleh Bank berkaitan dengan eGIA.

- 22.2 Apa-apa cukai atau levi yang dialami oleh Bank berkaitan dengan eGIA dan apa-apa barang dan perkhidmatan yang disediakan di bawah eGIA hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada Pemegang Akaun dan sekiranya Bank dikehendaki melaksanakan apa-apa pembayaran, Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Bank amaun yang telah dibayar. Bank berhak untuk mendebit/menolak amaun sedemikian daripada Akaun Sumber.

23. Kos

- 23.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang dialami oleh Bank berkaitan dengan eGIA, bagi pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau bagi apa-apa prosiding guaman, sama ada Bank terlibat secara langsung atau tidak langsung akan ditanggung oleh Pemegang Akaun.
- 23.2 Bank berhak untuk mendebit Akaun Sumber Pemegang Akaun atau mana-mana akaun lain yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian.

24. Hak untuk Mendebit

- 24.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak yang Bank mungkin ada di bawah Terma dan Syarat ini atau melalui pelaksanaan undang-undang, Bank mungkin pada bila-bila masa mendebit Akaun Sumber Pemegang Akaun atau apa-apa akaun lain yang disenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank, sama ada secara berseorangan atau bersama-sama bagi apa-apa wang yang perlu dibayar oleh Pemegang Akaun kepada Bank.

25. Hak Menolak Selesai dan Menyatukan

- 25.1 Selain apa-apa hak am lain untuk menolak selesai yang Bank ada di bawah undang-undang atau perjanjian lain, Bank boleh, dengan memberi notis awal selama tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Akaun, untuk menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan Pemegang Akaun dengan Bank dan liabiliti kepada Bank walau bagaimanapun keadaannya dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam eGIA ini bagi memenuhi liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank sama ada liabiliti sedemikian kepada Bank adalah semasa, hadapan, sebenar, luar jangkaan, utama atau sandaran atau berasingan atau bersesama.
- 25.2 Bagi penyatuan, tolak selesai atau pindahan berkenaan yang memerlukan pertukaran emas kepada Ringgit Malaysia, pertukaran tersebut akan dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan oleh Bank) bagi pembelian mata wang yang Pemegang Akaun bertanggungjawab dengan mata wang sedia ada setelah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian kerana melaksanakan haknya itu.
- 25.3 Sekiranya penyatuan, tolak selesai atau pindahan itu memerlukan Bank untuk menjual emas atau mana-mana bahagian daripadanya dalam eGIA itu, Bank boleh meneruskan untuk menjual emas itu tanpa perlu meminta kebenaran daripada Pemegang Akaun. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian kerana melaksanakan haknya itu.
- 25.4 Baki Kredit mahupun hak, hak milik atau kepentingan Pemegang Akaun di dalamnya tidak boleh diletak hak, dipindahkan atau terbeban kecuali dipindahkan kepada Bank atau dengan kebenaran bertulis daripada Bank.

26. Hak untuk Menahan atau Menguntukkan

- 26.1 Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk menguntukkan atau menahan eGIA atau baki tertunggak dalam eGIA sekiranya:-
- Pemegang Akaun gagal untuk membayar apa-apa amaun yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pemegang Akaun kepada Bank, sama ada berikutan penghakiman atau sebaliknya; atau
 - Bank dikehendaki melaksanakannya sebagai pematuhan kepada perintah mahkamah atau arahan yang mengikat ke atas Bank, pada pandangan mutlaknya; atau
 - Bank telah memberi maklumat menurut Fasal 25.1.
- 26.2 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian disebabkan oleh apa-apa susut nilai dalam nilai emas kerana menahan atau menguntukkan eGIA atau baki tertunggak dalam eGIA.

27. Pendedahan Maklumat Pemegang Akaun

- 27.1 Pemegang Akaun bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank atau mana-mana orang yang Bank memberikan akses kepada rekodnya berkaitan dengan Pemegang Akaun atau eGIA Pemegang Akaun) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Pemegang Akaun dan eGIA Pemegang Akaun kepada mereka yang berikut:-
- (a) Mana-mana satu atau lebih syarikat dalam Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-
 - (i) Pelaporan;
 - (ii) Melaksanakan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad kepada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - (iii) Mematuhi dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Public Bank;
 - (iv) Pelaksanaan korporat;
 - (v) Mengelakkan penipuan dan jenayah;
 - (vi) Pungutan hutang;
 - (vii) Penyumberluaran fungsi dan/atau operasi kami;
 - (viii) Penyiasatan, mengelakkan atau sebaliknya berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
 - (ix) Menambah baik dan penyediaan perkhidmatan selanjutnya oleh Bank atau oleh mana-mana syarikat-dalam Kumpulan Public Bank kepada Pemegang Akaun;
 - (b) Mana-mana orang bagi atau yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (c) Mana-mana orang yang Bank lantik bagi tujuan untuk melaksanakan atau yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang disumberluarkan;
 - (d) Bank, institusi kewangan, biro kredit atau ejen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit) yang lain;
 - (e) Juruaudit, peguam dan penasihat profesional Bank;
 - (f) Polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki belum dibuktikan;
 - (g) Pencetak alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang dan perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank;
 - (h) Mana-mana agensi penarafan;
 - (i) Peserta sebenar atau bakal peserta atau subpeserta berkaitan dengan apa-apa kewajipan Bank di bawah perjanjian perbankan antara Bank dengan Pemegang Akaun atau pemegang serah hak, novati atau pemegang pindahan;
 - (j) Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Public Bank;
 - (k) Mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan hal-hal percukaian;
 - (l) Mana-mana pihak yang perlu bagi Bank untuk melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini;

- (m) Mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Public Bank dibenarkan atau dikehendaki untuk mendedahkan maklumat di bawah undang-undang mana-mana negara;
 - (n) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 27.2 Bank boleh bertindak dengan cara yang Bank menganggap sesuai sekiranya perintah mahkamah diserahkan kepada Bank oleh mahkamah yang mempunyai apa-apa bidang kuasa. Pemegang Akaun bersetuju bahawa beliau tidak mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berkenaan dengan tindakannya.
- 27.3 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa beliau telah menerima, membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank yang boleh didapati melalui <https://www.pbebank.com/Others/Privacy.aspx>. Pemegang Akaun bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi itu akan dianggap sebagai digabungkan dengan merujuk pada Terma dan Syarat ini.

28. Tanggung rugi

- 28.1 Selain dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi lain yang dipunyai oleh Bank (mengikut undang-undang atau sebaliknya) dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pemegang Akaun akan menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada ditanggung rugi pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, kerugian, kos, ganti rugi, liabiliti, caj dan perbelanjaan termasuk fi dan kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh dan semua cukai barang dan perkhidmatan, cukai, duti dan levi lain yang perlu dibayar bagi kos, caj dan perbelanjaan seumpamanya yang Bank mungkin alami, tanggung dan hadapi kerana:-
- (a) Pemegang Akaun tidak mematuhi atau melanggar Terma dan Syarat ini atau apa-apa terma dan syarat lain yang diterima pakai ke atas Pemegang Akaun;
 - (b) Bank bertindak menurut apa-apa arahan yang dikatakan diberi kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini;
 - (c) Apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa undang-undang percukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
 - (d) Apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak terhadap Pemegang Akaun bagi apa juga sebab sekali pun termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa penggunaan eGIA yang tidak sah, menipu, cuai atau yang tidak dibenarkan;
 - (e) Pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (f) Pemuatan oleh Bank akan apa-apa penghakiman, perintah mahkamah, dikri, arahan, undang-undang, peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
 - (g) Apa-apa penglibatan oleh Bank dalam apa-apa prosiding dalam apa juga bentuk untuk melindungi atau yang berkaitan dengan eGIA.

29. Notis dan Komunikasi

- 29.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi yang dihantar oleh Bank kepada Pemegang Akaun boleh:-
- (a) Dihantar dengan tangan ke alamat Pemegang Akaun yang akhir diketahui oleh Bank;
 - (b) Dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar secara Makluman Penerimaan (AR), biasa atau seumpamanya) ke alamat Pemegang Akaun terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (c) Dihantar melalui faksimile ke nombor faksimile terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (d) Dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - (e) Dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon mudah alih terakhir yang diketahui oleh Bank; atau

- (f) Dikomunikasikan dengan Pemegang Akaun dengan meletakkannya dalam laman web Bank.
- 29.2 Notis, tuntutan atau komunikasi itu akan dianggap sebagai telah diterima oleh Pemegang Akaun:-
- (a) Pada masa penghantaran ke alamat Pemegang Akaun, jika dihantar melalui tangan;
 - (b) Pada hari ketiga (termasuk hari pengeposan) daripada tarikh diposkan;
 - (c) Pada masa transmisi faksimile selesai dibuat;
 - (d) Pada masa mel secara elektronik selesai;
 - (e) Pada masa penghantaran sistem pesanan pendek (SMS) selesai; atau
 - (f) Pada masa diletakkan di laman web Bank.
- 29.3 Pemegang Akaun bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta mengenai apa-apa perubahan dalam alamat surat-menyurat, pengeposan atau tempat kediaman dan maklumat untuk menghubunginya ("Maklumat"). Sekiranya Pemegang Akaun tidak memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan ini, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank boleh bergantung pada mana-mana alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi seperti yang terdapat dalam rekod Bank atau yang diperolehi oleh Bank daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank.
- 29.4 Apa-apa kegagalan oleh Pemegang Akaun untuk memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan dalam Maklumat Pemegang Akaun yang menyebabkan kelewatan atau surat-menyurat dan/atau notis tidak sampai tidak akan memprejudiskan hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.

30. Standard Pelaporan Bersama (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

30.1 Takrifan dan Tafsiran

- (a) "**CRS**" ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Public Bank Berhad dan kumpulan Public Bank, mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pemegang akaun dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- (b) "**FATCA**" ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan Public Bank yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM atau pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.

Bagi mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan Public Bank bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan, persijilan dan dokumen daripada pemegang akaun. Maklumat sedemikian boleh diperolehi semasa pembukaan akaun atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.

30.2 Pemberian Maklumat

Pemegang Akaun mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Bank dalam apa-apa bentuk dan dokumen adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini.

Pemegang Akaun bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat Pemegang Akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman, nombor telefon, kerakyatan, dan/atau maklumat pengenalan cukai Pemegang Akaun akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan Public Bank, mana yang berkenaan, dokumen yang dikehendaki bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.

30.3 Pendedahan Maklumat

Pemegang Akaun mengizinkan Bank atau Kumpulan Public Bank, mana-mana yang berkenaan, untuk mendedahkan maklumat kediaman cukai asingnya bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenal Cukai (TIN) Asing Pemegang akaun kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan Public Bank kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.

30.4 Kegagalan untuk Memberi Maklumat

Pemegang Akaun mengaku dan bersetuju bahawa sekiranya Pemegang Akaun memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat, atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan Public Bank atau enggan, gagal dan/atau abai untuk:-

- (a) Mengemas kini rekodnya dengan Bank atau Kumpulan Public Bank; atau
- (b) Mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS

Bank atau Kumpulan Public Bank berhak untuk melaksanakan seperti yang berikut:-

- (a) Menutup akaun Pemegang Akaun dengan Bank dan Kumpulan Public Bank; dan
- (b) Tidak memberi apa-apa perkhidmatan baharu Bank dan/atau Kumpulan Public Bank, kepada Pemegang Akaun.
- (c) Melaporkan maklumat akaun sebelum tarikh penutupan kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian asing menurut keperluan pengawalseliaan FATCA dan/atau CRS.

30.5 Nasihat Guaman Bebas

Pemegang Akaun mengesahkan bahawa Bank mahupun mana-mana syarikat dalam Kumpulan Public Bank tidak berkewajipan untuk menyediakan untuk Pemegang Akaun apa-apa nasihat undang-undang dan/atau cukai. Pemegang Akaun hendaklah mendapatkan nasihat guaman bebas berkaitan dengan kewajipannya di bawah FATCA dan/atau CRS.

31. Dasar Antirasuah dan Antisogokan Bank

- 31.1 Bank telah melancarkan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (Dasar ABAC) yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa juga bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaannya. Pemegang Akaun dinasihatkan untuk mengunjungi laman web Bank untuk mendapatkan maklumat lanjut Dasar ABAC. Pemegang Akaun hendaklah memastikan pematuhan Dasar ABAC itu dan tidak akan melakukan apa-apa tindakan sogokan atau rasuah yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Antirasuah Malaysia 2009 ("Akta MACC"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula Akta MACC berkenaan.

Bank berhak untuk menutup dan/atau menamatkan eGIA ini sekiranya Pemegang Akaun didapati melanggar Dasar ABAC itu atau didapati terlibat dengan apa-apa tindakan sogokan atau amalan rasuah.

32. Force Majeure

- 32.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini oleh sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada peralatan, sistem atau transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi, kebakaran, banjir, letupan, tindakan jenayah, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, bekalan kuasa yang terputus, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami, kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan air dan minyak atau apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini, Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Pemegang Akaun mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

33. Penepian

- 33.1 Apa-apa kegagalan atau penangguhan oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi yang tersedia kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang tidak harus dianggap sebagai penepian oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut.
- 33.2 Sekiranya Bank memutuskan untuk tidak melaksanakan hak yang Bank mungkin ada berkaitan dengan pelanggaran oleh Pemegang Akaun, ini tidak akan dianggap sebagai penepian hak Bank dan Bank mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan dengan ketat atau menegaskan haknya berkaitan dengan pelanggaran tersebut atau pelanggaran berikutnya oleh Pemegang Akaun.

34. Kebolehasingan

- 34.1 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan, fasal yang tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki Terma dan Syarat ini akan diteruskan sebagai efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan.

35. Pindaan

- 35.1 Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau mengubah Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari dengan mempamerkannya di premis Bank, meletakkan dalam laman web Bank atau cara lain yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Sekiranya Pemegang Akaun terus mengekalkan eGIA, beliau dianggap sebagai bersetuju dengan pindaan, pengubahsuaian, semakan semula dan perubahan yang dibuat pada Terma dan Syarat berkenaan.

36. Remedi Terkumpul

- 36.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini adalah terkumpul dan tidak eksklusif bagi apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak atau sebaliknya.

37. Pemeliharaan Hak dan Kelayakan

- 37.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan dalam mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa sepenuhnya dan berkesan dan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, perubahan atau penggantungan eGIA ini.

38. Penyerahhakan

- 38.1 Pemegang Akaun tidak boleh menyerah hak mana-mana haknya dan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini.
- 38.2 Bank boleh menyerah hak semua atau mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat kepada mana-mana orang yang Bank menganggap wajar.

39. Bakal pengganti

- 39.1 Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas waris, wakil peribadi, pengganti Pemegang Akaun dari segi hak milik dan pengganti dan penerima serah hak Bank.

40. Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Mengawal

- 40.1 Terma dan Syarat ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun tanpa boleh batal perlu mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 40.2 Pemegang Akaun bersetuju untuk menyetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang lain.

41. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 41.1 Emas yang disenggara oleh Pemegang Akaun dalam eGIA tidak dilindungi oleh PIDM.

Dikemas kini kali terakhir pada 20 Jun 2022.